

Najib ambil langkah berani perkukuh pertumbuhan ekonomi

Pengurusan cemerlang, dasar realistik tarik perhatian pakar asing

Seungguhpun hubungan dua hala Amerika Syarikat (AS) dan China kerap dianggap kritikal, pemeteraian perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) antara kedua-dua negara bulan lalu memberi gambaran bahawa kepentingan Asia tidak hanya terhad kepada China.

Apabila Perdana Menteri Australia, Malcolm Turnbull, menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur di Kuala Lumpur minggu depan, beliau akan mendapati sebuah negara ASEAN dinamik yang pulih dengan kukuh selepas kegawatan ekonomi melanda rantau itu pada tahun 1997 dan 1998. Seperti pemerhatian Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Christine Lagard, dasar ekonomi selamat ASEAN membolehkannya mengatasi krisis kewangan itu secara kukuh dan berdaya tahan. Pencapaian itu dianggap memberangsangkan bagi ekonomi kecil lagi terbuka.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN dan ekonomi ketiga terbesar gagasan itu, adalah contoh terbaik. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kerap menjadi sasaran kritikan domestik (dan antarabangsa). Bagaimanapun, dalam konteks TPP, perhatian wajar diberi terhadap rekod pertumbuhan ekonominya yang mengagumkan.

Kadar pengangguran turun

Sejak tahun 2010, Malaysia mencatat pertumbuhan pada purata 5.3 peratus setahun. Walaupun unjuran pertumbuhan tahun ini diramal perlahan kepada 4.7 peratus berbanding enam peratus tahun lalu, ia tetap lebih baik berbanding negara jiran Thailand, yang diramal tumbuh pada kadar hanya 2.5 peratus tahun ini. Pertumbuhan ekonomi dengan sendirinya mewujudkan pekerjaan. Sejak Najib menjadi Perdana Menteri, sejumlah 1.8 juta pekerjaan berjaya diwujudkan. Hasilnya, kadar pengangguran Malaysia turun kepada tiga peratus, antara yang terendah di rantau itu dan separuh atau lebih rendah berbanding Indonesia (enam peratus) dan Filipina (6.8 peratus).

Kadar pertumbuhan ekonomi pada kadar lebih enam peratus sejak 1970 bukan sekadar bermakna Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia kini adalah 15 kali ganda lebih besar berbanding 45 tahun lalu. Ia turut mentransformasi ekonomi negara berasaskan pertanian

Keberanian Datuk Seri Najib Razak melaksanakan beberapa langkah drastik termasuk pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), dilihat sebagai contoh pengurusan ekonomi sofistikated yang membantu memacu pembangunan negara. Sekalipun berdepan kritikan domestik dan antarabangsa, Perdana Menteri komited membawa Malaysia mencapai status negara maju pada 2020 mengikut acuan tersendiri. Bekas Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, John Dauth, berkongsi pandangannya yang disiarkan akhbar *The Australian*, semalam.

yang menyumbang 31.8 peratus terhadap KDNK pada 1970, kepada ekonomi berasaskan pembuatan dan perkhidmatan yang menyumbang 76.5 peratus terhadap KDNK manakala pertanian sekadar menyumbang 9.2 peratus.

Perubahan gaya hidup

Pertumbuhan ekonomi turut menyaksikan perubahan gaya hidup, dengan pendapatan isi rumah meningkat pada kadar lebih 20 kali ganda. Malaysia membangun dengan cemerlang sejak beberapa dekad selepas 1970, bersandarkan hasil pembangunan ekonomi. Hasilnya, Malaysia berada di ambang merentasi pendapatan lingkungan AS\$15,000 (RM65,611) KDNK perkapita menjadi negara berpendapatan tinggi, sasaran yang menjadi matlamat utama Najib menerusi perancangan ekonomi 2016-2020.

Sasaran itu jelas realistik kerana Najib yang juga Menteri Kewangan sejak 2008, memiliki pengalaman dan menunjukkan kepemimpinan terpuji. Beliau mengambil langkah pencegahan bagi mengukuhkan kewangan awam, yang sememangnya penting sebagai penampan terhadap aliran global. Menurut konsultasi Artikel IV terbaru IMF: "Penguatan fiskal tepat pada masanya, berada pada rentak yang betul dan kekal di landasan sewajarnya."

Tahun lalu, Najib mengambil langkah berani dengan menggunakan sepenuhnya peluang kejatuhan harga minyak dunia untuk menghapuskan subsidi petrol dan diesel. Pada masa sama, GST pada kadar enam peratus diperkenalkan, paling rendah di rantau Asia Tenggara ke arah mengukuhkan asas percukaian negara dan mengurangkan pergantungan terhadap pendapatan minyak dan gas yang tidak menentu. Defisit fiskal yang berkurangan hampir separuh sejak Najib menjadi Perdana Menteri, dijangka sifar sepenuhnya menjelang 2020. Ini adalah contoh pengurusan ekonomi yang sofistikated.

Penguatan fiskal

Kemajuan penguatan fiskal nyata mengagumkan, terutama selepas mengambil kira kepentingan mengekalkan penyatuan sosial masyarakat berbilang etnik merangkumi Melayu, Cina, India dan lain-lain

dalam ekonomi yang menarik kedatangan ramai warga asing. Seperti dinyatakan IMF, penguatan keselamatan sosial Malaysia menjadi antara keutamaan dalam strategi fiskal Najib. Langkah drastik akan terus mengundang kontroversi. Bagaimanapun, pengurusan ekonomi yang cemerlang memerlukan tindakan itu dan Najib melakukannya.

Perubahan drastik ini dilaksanakan berdasarkan kemajuan lampau. Pada 2012, Najib memperkenalkan jaminan pendapatan minimum yang mengeluarkan 2.9 juta penduduk daripada kemiskinan. Sejak 2009, pendapatan isi rumah golongan 40 peratus di bawah meningkat 50 peratus lebih pantas daripada kadar biasa. Potongan cukai turut membantu usaha Najib dalam memacu peningkatan pendapatan golongan 40 peratus di bawah. Secara keseluruhannya, kadar kemiskinan menurun daripada 49.3 peratus pada 1970 kepada 0.6 peratus tahun lalu. Ia bermakna Malaysia berjaya dalam menghapuskan kemiskinan tegar secara berkesan.


Pemeriksaan wanita

Pemeriksaan wanita turut menyumbang kepada pendapatan isi rumah dan Malaysia adalah peneraju ASEAN dari segi merapatkan jurang antara jantina. Peratusan pegangan jawatan pengurusan oleh wanita di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding di Hong Kong dan Singapura. Tahun lalu, Malaysia menetapkan sasaran 30 peratus wanita menyandang kedudukan sebagai pembuat keputusan.

Dalam konsultasinya, IMF menyenaraikan risiko utama terhadap pertumbuhan ekonomi berterusan Malaysia kedudukan dalaman yang lebih mencabar dan pendedahan kepada aliran modal antarabangsa. Bagaimanapun, ia menegaskan, risiko ini dikurangkan menerusi kadar tukaran Malaysia yang fleksibel, dasar kewangan meyakinkan dan penguatan fiskal.

Menurut kajian pasaran Bloomberg pada Mac lalu, Malaysia dan Chile terikat di kedudukan kelima sebagai pasaran membangun paling meyakinkan, selain di tangga pertama dalam kalangan anggota ASEAN.

Model Malaysia yang mengga-



"Tahun lalu, Najib mengambil langkah berani dengan menggunakan sepenuhnya peluang kejatuhan harga minyak dunia untuk menghapuskan subsidi petrol dan diesel. Pada masa sama, GST pada kadar enam peratus diperkenalkan, paling rendah di rantau Asia Tenggara ke arah mengukuhkan asas percukaian negara dan mengurangkan pergantungan terhadap pendapatan minyak dan gas yang tidak menentu. Defisit fiskal yang berkurangan hampir separuh sejak Najib menjadi Perdana Menteri, dijangka sifar sepenuhnya menjelang 2020. Ini adalah contoh pengurusan ekonomi yang sofistikated"

John Dauth,
Bekas Pesuruhjaya Tinggi
Australia ke Malaysia

bungkan dasar sosial inklusif dan ekonomi mesra pasaran, membawa kepada rekod pertumbuhan paling mengagumkan di Asia Tenggara, satu daripada rantau paling dinamik di dunia. Ini adalah negara yang berada di ambang kejayaan bersejarah dari segi pembangunan, mengambil segala tindakan betul seiring pendakian ke puncak kejayaan. Anda tidak boleh melakukannya tanpa kepemimpinan yang diuji dan terbukti seperti dilakukan Najib.